

04/12/2000

Sharir sedia terima teguran, pandangan pelbagai pihak

JOHOR BAHRU, Ahad - Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Sharir Samad menerima dengan hati terbuka pandangan dan teguran pelbagai pihak mengenai kenyataannya dalam laman web.Malaysiakini.com, Khamis lalu.

Ketua Umno Bahagian Johor Bahru itu menegaskan pendiriannya tetap sama seperti kenyataan yang disiarkan dalam laman web itu mengenai Barisan Nasional (BN) tewas dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas.

Justeru, beliau akan menggunakan kedudukannya sebagai ahli MT untuk menyuarakan rasa tidak puas hati dalam mesyuarat MT pada masa akan datang.

Beliau menjelaskan, tindakannya menyuarakan rasa tidak puas hati menerusi laman web itu dibuat kerana berpendapat ada tanggungjawab yang seharusnya disampaikan kepada penyokongnya.

"Isunya ialah saya tidak menggunakan saluran yang betul dalam meluahkan, menyuarakan pendapat dan rasa tidak puas hati.

"Saya terima teguran dan pandangan termasuk dari Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, anggota MT serta pihak lain dengan hati terbuka," katanya.

(END)